

## → PERSIDANGAN

# Seminar Hari Pekerja 2017 pupuk semangat cinta Malaysia

→ Usaha terus agenda pembangunan, membina kekuatan negara

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**S**eminar Hari Pekerja 2017 semalam memberi tumpuan kepada peranan penjawat awam, rakyat dan pemimpin untuk memupuk perasaan cinta dan sayang terutama di kalangan generasi muda kepada Malaysia.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda, berkata ia sebagai usaha untuk meneruskan agenda pembangunan dan membina kekuatan negara.

Pada masa sama, katanya, individu terbabit perlu menunjukkan teladan menerusi pematuhan undang-undang dan mendaulatkan negara demi memastikan keamanan seluruh rakyat.

"Pertama, kita berada dalam konteks kenegaraan Malaysiaku, bagaimana kita mahu meletak jati diri untuk sayangi Tanah Air tercinta.

"Susulan itu, kita perlu fikir langkah untuk mendaulatkan negara



Abdul Fattah diiringi Azih (kanan) bersalaman dengan peserta Seminar Hari Pekerja yang diadakan di Kuala Lumpur, semalam.

kita, membincangkan peranan seorang pekerja (penjawat awam), rakyat, pemimpin untuk mengangkat wadiah perjalanan negara kita sendiri.

"Menerusi seminar ini juga, kita memberikan suntikan semangat mengenai isu semasa yang sedang berlaku di kalangan penjawat awam untuk pastikan mereka terus memberi perkhidmatan cemerlang," katanya ketika ditemui di seminar itu, semalam.

### Kongsi manifestasi

Yang turut hadir Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah; Pegawai Biro Tata Negara (BTN) Putrajaya, Zahari Long dan Pegawai Bahagian Ancaman Ekstremis Sosial Cawangan Khas Bukit Aman, Superintenden Ahmad Asmadi Muhammad Salim.

Ditanya signifikasi kehadiran wakil ANGKASA dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), katanya, ia menjadi platform untuk mereka berkongsi manifestasi kesungguhan pekerja selain merealisasikan agenda CUEPACS menerusi Stra-



Kita perlu fikir langkah untuk mendaulatkan negara kita, membincangkan peranan seorang pekerja (penjawat awam), rakyat, pemimpin untuk mengangkat wadiah perjalanan negara kita sendiri"

**Azih Muda,**  
Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam

tegi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang dilancarkan kerajaan baru-baru ini.

### Bertanggungjawab

"Pertama, kita menjemput PDRM untuk menjelaskan isu keselamatan negara, ancaman yang ada kepada penjawat awam.

"Pada masa sama, kita ada ANGKASA. Hubungan kita dengan pihak berkenaan bagai aur dan tebing. Malah, saya jangka ahli ANGKASA semuanya terdiri daripada penjawat awam, pihak itu mempunyai tanggungjawab untuk mendidik kakitangan berkenaan," katanya.

Sambutan Hari Pekerja 2017 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hari ini.

16 April lalu, Kementerian Sumber Manusia dilaporkan berkata pihaknya berharap sambutan kali ini menerusi tema Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi akan memastikan golongan pekerja terus kekal produktif dan berdaya saing dalam bidang pekerjaan masing-masing.